

12 JAN 1999

Menteri-Sumpah

TAJOL, ZAHARAH, IBRAHIM ANGKAT SUMPAAH JAWATAN

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Dua menteri dan seorang timbalan menteri yang baru dilantik dalam rombakan kabinet Jumaat lepas menerima surat cara pelantikan serta mengangkat sumpah jawatan dan taat setia di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara di sini hari ini.

Menteri-menteri baru itu ialah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Tajol Rosli Ghazali, 55, dan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, 50, serta Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Ibrahim Ali, 48.

Dalam rombakan yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri serta pertukaran portfolio bagi beberapa orang timbalan menteri.

Yang hadir pada upacara hari ini ialah Dr Mahathir, Abdullah, menteri-menteri kabinet, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Mohamed Yaacob, Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail serta beberapa orang timbalan menteri.

Ketika ditemui kemudiannya, Tajol Rosli yang sebelum ini merupakan Timbalan Menteri Dalam Negeri, mengucapkan syukur dan berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana kepercayaannya terhadap beliau.

"Saya berdoa dapat melaksanakan tanggungjawab saya ini sebaik mungkin demi kepentingan negara," katanya.

Siti Zaharah, yang sebelum ini Timbalan Menteri Kesihatan berkata, beliau belum diberitahu bidang tugasnya di JPM dan tidak sabar-sabar untuk menghadiri mesyuarat mingguan kabinet buat pertama kali esok.

Ibrahim, yang sebelum ini pernah memegang jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar selama empat bulan dari Februari hingga Mei 1995, berjanji akan melaksanakan tanggungjawab barunya itu dengan penuh jujur dan amanah.

-- BERNAMA

RA MAI